



CAHAYA YANG HILANG DI CORDOBA, SEpanyol

Alhamdulillah, penulis diberikan kesempatan untuk mengunjungi bumi penuh sejarah di Sepanyol. Penulis berpeluang menyingkap sejarah kegemilangan Masjid Cordoba sepanjang lawatan ke sana. Seawal pagi telah tiba di bandar Cordoba, dingin angin pagi dan cuaca pagi yang damai itu menyambut kehadiran penulis dan ahli rombongan. Tidak tergambar betapa terujanya kami untuk memasuki masjid yang penuh sejarah itu. Mengatur langkah menyusur Jambatan Rom yang merentangi Sungai Guadalquivir. Jambatan ini berfungsi sebagai laluan komersial dan untuk kegunaan ketenteraan. Malah, jambatan tersebut turut menghubungkan Puerta del Puente, iaitu gerbang utama untuk memasuki kota lama Cordoba dengan Menara Calahorra.

Bandar Cordoba terletak di selatan Sepanyol, dan bandar ini telah diasaskan oleh Claudius Marcellus dengan namanya Corduba pada zaman Rom Kuno. Bandar ini berkembang pesat pada zaman pemerintahan Khalifah Cordoba yang memerintah hampir seluruh Semenanjung Iberia. Bandar ini mempunyai ramai penduduk dan merupakan bandar raya yang kedua terbesar di dunia pada abad ke-10 selepas Byzantium. Kini, Cordoba merupakan bumi Allah yang sangat unik dengan pelbagai bangunan dan pemandangan yang sangat cantik.

Kemasyhuran Cordoba menjadikan sejarah Andalusia sangat terkenal di seluruh dunia, terutamanya kepada masyarakat Asia, Afrika dan Eropah. Sejarah telah menunjukkan bahawa Cordoba berjaya menjadi terkenal kerana memiliki sebuah universiti yang ulung, iaitu Jamek Al-Qurtubah yang telah berjaya mengembangkan kemajuan agama Islam dan menjadi pusat perkembangan ilmu. Diceritakan bahawa semasa pemerintahan Al-Hakam, telah diwujudkan sekolah-sekolah, sistem sekolah dan bantuan kepada para guru serta pensyarah. Hampir setiap bandar mempunyai sekolah dan kolej-kolej pendidikan yang mendidik masyarakatnya untuk membaca tanpa mengira batas kaum dan agama. Semasa pemerintahan

Al-Hakam, setiap rakyatnya berkebolehan untuk membaca dan menulis berbanding dengan bangsa Eropah yang hanya golongan paderi yang mahir untuk membaca dan menulis.

Mengikuti sejarah seperti yang diceritakan oleh pemandu pelancong, pada zaman pemerintahan Abd Rahman II, Cordoba merupakan ibu kota yang sangat unik dan pesat dengan perkembangan ilmu pengetahuan. Pada waktu itu, pelbagai kemudahan pendidikan dibina dengan begitu pesat. Pendidikan diberikan secara percuma kepada semua rakyat. Pada kurun ke-10 dan kurun ke-11, Cordoba merupakan sebuah negara kota yang paling maju di dunia dan menjadi pusat kebudayaan, politik, kewangan dan ekonomi. Hal ini demikian kerana Cordoba ialah pusat perkembangan dan pengumpulan ilmu serta ramai orang asing datang untuk menuntut ilmu di Cordoba. Perkara itu juga membawa kepada kehadiran ramai penuntut ilmu warga asing kerana Cordoba berhampiran dengan Eropah.

CORDOBA MELAHIRKAN BANYAK TOKOH ILMUWAN

Cordoba telah melahirkan banyak tokoh ilmuwan. Antaranya termasuklah Ibnu Rusyd atau nama sebenarnya Abu Walid Muhammad Ibnu Ahmad (1126-1198 M) yang merupakan seorang ahli falsafah, perubatan, matematik, teologi, ahli fiqah mazhab Maliki, astronomi, geografi dan sains. Menurut sejarah, Ibnu Rusyd dilahirkan daripada keluarga yang ternama dan berilmu pengetahuan. Bapanya merupakan seorang kadi di Cordoba. Beliau dikatakan telah berguru dengan Ibnu Zuhr yang juga merupakan doktor di istana Andalusia yang pernah mengarang buku *Facilitation of Treatment*.

Ibnu Rusyd terkenal dengan terjemahan hasil kerja Aristotle

selama tiga dekad. Hasil penulisan beliau banyak mempengaruhi falsafah dunia Islam. *Fas al-Maqal (The Decisive Treatise)* merupakan karyanya yang menekankan aspek berfikir secara analitikal untuk menterjemahkan al-Quran dan yang bersumberkan hadis. Ibnu Rusyd banyak membicarakan tentang metafizik yang bercirikan ketuhanan. Karyanya, *Kulliyah fit-Thibb* yang mengandungi 16 jilid membincangkan perihal dunia perubatan telah diterjemah kepada bahasa Latin pada tahun 1255 di Bonacosa, dan kemudian kepada bahasa Inggeris, iaitu dalam buku yang berjudul *General Rule of Medicine*.

Selain itu, beliau juga banyak menghasilkan karya seperti *Pengantar Falsafah*, *Tafsir Urjuza* yang membicarakan tentang perubatan dan tauhid, buku *Taslul* yang merupakan ilmu kalam, dan *Kasyful Adillah* yang membincangkan perihal falsafah dan agama. Ibnu Rusyd turut menulis buku kemasyarakatan dan agama yang bertajuk *Muwafaqatil wal Syari'a* yang menyentuh persamaan falsafah dan agama. Bahkan, beliau juga menghasilkan buku muzik yang berjudul *De Anima Aristotle* yang membicarakan ilmu logik berasaskan falsafah yang diutarakan oleh Aristotle. Ibnu Rusyd dikatakan tokoh serba boleh kerana beliau mempunyai pemikiran yang sangat luas, tajam serta dikagumi sepanjang kehidupan dan selepas kematiannya.

KOTA CORDOBA DITAWAN OLEH TENTERA MOOR

Berdasarkan cerita oleh David, pada tahun 711, kota Cordoba telah ditawan oleh tentera Moor dan diperintah secara Islam. Semasa pemerintahan komander Moor pada tahun 716, bandar ini telah menjadi sebuah wilayah Islam di bawah kekuasaan Khalifah Umayyah di Damsyik.




Penulis bergambar di hadapan jalan menuju ke Masjid Cordoba.

Dikatakan juga bahawa pada zaman pemerintahan Andalusia, masyarakatnya ketika itu merupakan masyarakat majmuk yang mempunyai pelbagai latar belakang bangsa, akidah dan fahaman Islam menguasai pemerintahan Andalusia. Walau bagaimanapun, agama lain bebas untuk diamalkan oleh masyarakat Andalusia yang lain. Perpaduan antara orang Islam, Kristian dan Yahudi yang sangat baik telah dibuktikan oleh pemerintahan Islam yang ulung pada masa itu sehingga Khalifah Abd al-Rahman I memohon untuk membeli keseluruhan gereja bagi dijadikan masjid.

Sewaktu era keemasan Andalusia, wujud perkongsian kawasan antara gereja dan masjid seperti kawasan Gereja Saint Vincent yang dikongsi penganut agama Kristian dan Islam. Sekitar tahun 766, Cordoba telah dipilih sebagai ibu kota Muslim merdeka Al-Andalus yang merupakan bandar paling maju, selain mempunyai pusat kebudayaan, politik, ekonomi dan kewangan yang sangat terkenal. Malah, dianggarkan lebih 500 000 orang menghuni bandar ini.

Namun begitu, perpecahan, perebutan kuasa dan kemerosotan akhlak mulia dalam kalangan pemimpin menyebabkan bandar ini begitu mudah ditawan oleh orang-orang Kristian. Bahkan, sikap umat Islam yang leka dan hanyut dengan kemewahan dunia pada masa itu telah mengakibatkan bumi Andalusia tumpas di tangan tentera Kristian.



Unik dan menarik sekali ukiran yang terdapat di dalam masjid ini.

Cordoba berjaya ditawan dan ditakluk melalui rampasan kuasa yang berlaku pada tahun 1236 Masihi oleh Raja Ferdinand II. Ekoran daripada kejadian itu, orang Islam di Cordoba telah ditindas dengan sewenang-wenangnya dan dipaksa menukar agama. Jika enggan, mereka dihukum dengan kejam dan orang Islam yang lemah tahap imannya, memilih untuk menukar agama dan menjadi penganut agama Kristian. Golongan yang kekal beragama Islam pula dihalau keluar dari Sepanyol. Malahan, terdapat sesetengah masyarakat yang terpaksa menyamar sebagai penganut Kristian apabila keluar dari rumah dan menonjolkan keislaman hanya apabila di dalam rumah.

Menurut David, pemandu pelancong kami semasa di Jamek Al-Qurtubah, kerajaan Kristian yang berjaya menguasai Andalusia pada masa itu telah memungkirkan janji mengenai jaminan keselamatan nyawa, dan harta benda orang Islam. Bahkan, kerajaan Kristian pimpinan Ratu Isabella I dan Raja Ferdinand II itu telah menetapkan undang-undang yang memaksa orang Islam memeluk agama Kristian. Masjid-masjid yang ada dirobuhkan atau ditukarkan menjadi gereja, termasuklah Masjid Agung Cordoba. Sayu yang teramat

apabila melihat kesan ukiran di lelangit masjid dan mimbar serta ayat-ayat al-Quran yang tertera di atas siling dan mihrab. Pihak penguasa yang mengurus masjid ini telah menyediakan sebuah ruangan yang mencatatkan senarai nama individu yang terlibat dengan pembinaan masjid dan pengubahsuaian bangunan ini.

MASJID AGUNG CORDOBA

Masjid Agung Cordoba telah berdaftar dengan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 1984 sebagai tapak warisan dunia. Masjid ini mempunyai prinsip pembinaan seperti menara, dewan dan balai. Balai dibina secara segi empat tepat dengan sokongan berpintukan dua pintu gerbang atau pintu utama dan tiang yang besar. Diceritakan kepada penulis, pada tahun 1521, pembesar suara berbentuk salib daripada tulisan Latin telah digunakan di tengah gabungan masjid dan gereja ini. Masjid ini mempunyai sebuah menara yang dahulunya berfungsi sebagai tempat melaungkan azan, dan kini telah dijadikan sebagai menara loceng oleh pihak gereja. Semasa kegemilangannya, dikatakan Masjid Agung Cordoba ini mampu merampung seramai 10 000 orang jemaah pada setiap kali waktu solat.

KEHEBATAN SENI BINA BANGUNAN-BANGUNAN DI ANDALUSIA

Kehebatan seni bina bangunan-bangunan di Andalusia seperti Masjid Jamek Al-Qurtubah dan Istana Al-Zahra dilihat sangat unik dan cantik.

Masjid Jamek Al-Qurtubah

Masjid Jamek Al-Qurtubah merupakan monumen yang terpenting di Andalusia. Hal ini demikian kerana masjid tersebut didirikan pada awal zaman pemerintahan Islam.

Masjid ini dikelilingi tembok yang mempunyai 21 gerbang yang berbentuk ladam kuda dan tiga daripadanya merupakan pintu masuk untuk wanita sahaja. Dalam masjid pula terdapat bahagian-bahagian anjung yang terbuka dengan reka bentuk gerbang separa bulat, mihrab atau tempat imam yang dihiasi mozek. Hasil seni ukiran yang dipamerkan oleh para pengukir zaman itu dengan ayat-ayat al-Quran yang diukir halus dan teliti buaatannya sangat cantik dan mengagumkan.

“

Masjid Jamek Al-Qurtubah mempunyai menara setinggi 108 kaki dan lengkap dengan 107 anak tangga untuk turun dan satu tangga lagi untuk menaikinya. Menurut Mohd Scott, menara tersebut diperbuat daripada batu dan kayu yang bermutu tinggi serta paku yang diperbuat daripada emas. Kini, menara tersebut berfungsi sebagai tempat menggantung dan membunyikan loceng tatkala orang Kristian ingin bersembahyang di gereja itu.

”

Andalusia merupakan sebuah pusat perkembangan ilmu yang hebat pada zaman dahulu. Bahkan, meriah dengan nur Islam menerangi setiap pelosok kota serta padat dengan cendekiawan Islam yang hebat dalam pelbagai disiplin ilmu. Walaupun negara ini hebat tetapi terasa sunyi di benakku. Dalam hati berkata sendiri, 'Semoga Tuhan melindungi agama dan negaraku daripada fitnah seperti ini.' Penulis berada di sekitar masjid hampir satu jam setengah dan sempat merakamkan detik-detik indah bersama-sama rakan rombongan yang lain.

Usai melawat sekitar masjid, kami berlegar ke deretan kedai-kedai cenderamata yang terletak di dalam bangunan yang bersebelahan dengan masjid. Antara barangan yang terdapat di sini termasuklah pakaian, kunci, beg tangan kulit, dompet kulit, barang-barang perhiasan dan lain-lain. Mengakhiri acara pada petang tersebut, kami sempat menjamu selera di sebuah restoran Islam, hasil masakan anak kelahiran Maghribi yang beragama Islam. Nasi bukhari yang enak dihidangkan kepada kami. Selesai menjamu selera, kami diberikan peluang untuk menunaikan solat jamak di surau yang terdapat di restoran ini.

Perjalanan diteruskan melalui kawasan ladang zaitun yang luas terbentang. Bas melalui lereng bukit dan dari kejauhan, kelihatan pergunungan Siera Nevada. Bas yang dinaiki berhenti singgah di sebuah restoran yang menjual pelbagai produk yang berasaskan buah zaitun. Seterusnya, perjalanan diteruskan ke Granada yang mengambil masa selama empat jam dari Cordoba.

Walaupun cahaya mentari yang memancar di Cordoba amat cerah, tetapi dirasakan malap sinarannya kerana cahaya Islam yang bersinar 1000 tahun dahulu padam dengan begitu sahaja. Masyarakat di sini tidak lagi menggerakkan cahaya Islam. Hari ini, majoriti masyarakat di Andalusia atau Sepanyol terdiri daripada penganut agama Kristian, manakala komuniti Islam pula terdiri daripada masyarakat yang berhijrah dari Maghribi dan negara-negara lain. Kejatuhan Cordoba harus dijadikan teladan oleh seluruh masyarakat Islam. Sebuah kisah keagungan kota raya yang pesat dan maju boleh hancur dan musnah akibat perpecahan. Jadikanlah cahaya malap Masjid Agung Cordoba ini sebagai satu pengajaran kepada masyarakat Islam di dunia ini.